

04 JUN 1999

Mahathir-Pembangkang

PEMBANGKANG TIDAK KUAT PADA MASA INI, KATA DR MAHATHIR

SEPANG, 4 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyifatkan kedudukan pembangkang di negara ini sebagai "tidak kuat" walaupun beberapa pengumuman mereka baru-baru ini termasuk pembentukan pakatan bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Perdana Menteri berkata, "Pada masa ini, saya tidak fikir mereka kuat dan saya juga tidak fikir mereka akan jadi kuat.

"Ini adalah satu pakatan berkepentingan antara orang yang mempunyai pendapat yang berbeza. Satu mahu tubuhkan apa yang dipanggil negara Islam, satu lagi tidak mahu negara Islam tetapi sebaliknya mahukan negara 'Malaysian Malaysia', dan Keadilan ialah untuk semuanya," kata beliau menjawab soalan pemberita sekembalinya dari Jepun, di Lapangan Terbang Antarabangsa KL di sini.

"Dengan menjadi semuanya untuk setiap orang, sudah tentu mereka (Keadilan) akan menikam rakan mereka dari belakang dengan menerima masuk semua orang dalam parti mereka," katanya.

Beliau berkata, "Satu-satunya objektif Keadilan ialah untuk mendapatkan pembebasan Datuk Seri Anwar Ibrahim...tiada agenda politik selain itu walaupun mereka mungkin mengatakan bahawa mereka mempunyai kepentingan dalam reformasi, keadilan dan semua itu".

Dr Mahathir berkata, "Keadilan ialah hanya untuk satu orang sahaja, oleh itu saya tidak fikir mereka boleh bekerjasama... sebenarnya mereka tidak mempunyai kepentingan yang sama langsung."

Mengenai rancangan PAS untuk meminda Perlembagaannya bagi membenarkan bukan Islam menjadi anggota bersekutu dan menjadi calon parti, beliau hairan bagaimana parti itu boleh berbuat demikian sedangkan dahulu mereka mengatakan orang UMNO kafir kerana bekerjasama dengan bukan Islam.

Beliau berkata PAS hanya berminat untuk mendapatkan undi.

Mengenai rancangan pakatan pembangkang untuk menggilirkan jawatan Perdana Menteri jika mereka berkuasa, Dr Mahathir berkata "mereka hanya nak rasa sedap kerusi Perdana Menteri."

-- BERNAMA

AR GM NAK